

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 10 APRIL 2015 (JUMAAT)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1.	Pusat Sains Negara berwajah baru Nov 2016	Sinar Harian Online
2.	Pusat Sains Negara berwajah baru Nov 2016	BERNAMA
3.	<i>Yuri's Night</i> di Planetarium Negara	Utusan Malaysia
4.	Promoting Malaysian standard on halal food	The Malay Mail



## Pusat Sains Negara berwajah baru Nov 2016

9 April 2015



Menteri Sains Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin melancarkan Pusat Sains Negara (PSN) Trooperz di Putrajaya, hari ini. - Foto Bernama

PUTRAJAYA - **Pusat Sains Negara (PSN)** bakal berwajah baru menjelang November 2016 bagi memberi keselesaan sambil belajar berganda kepada pengunjung, kata **Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin**.

Katanya PSN yang ditutup sejak 20 Mac lalu kini sedang menjalani proses kerja menaik taraf bangunannya melibatkan kos RM20 juta.

Sejumlah 692,854 orang mengunjungi PSN dan menyertai program pembudayaan sains yang ditawarkan pada tahun lepas, katanya.

"Dengan pembukaan semula pusat itu nanti, kita mahu PSN terus menjadi ikon tarikan untuk pembudayaan sains, teknologi dan inovasi kepada pelbagai lapisan masyarakat di negara ini," katanya pada sidang media sebelum merasmikan program PSN Trooperz di sini hari ini.

Ewon dalam pada itu berkata program PSN Trooperz merupakan penjenamaan semula Unit Outreach PSN untuk meningkatkan kesedaran berkaitan kepentingan sains, teknologi dan inovasi dalam kalangan masyarakat Malaysia.

"PSN Trooperz merupakan lambang komitmen kementerian untuk membudayakan sains dan teknologi dengan menggunakan pendekatan mudah dan menyeronokkan," katanya.

Melalui PSN Trooperz, pelbagai program diatur sepanjang tahun ini merangkumi segenap lapisan masyarakat serta aktiviti yang bersifat pertandingan berteraskan sains, kejuruteraan, seni dan matematik (Steam) yang akan menjelajah ke seluruh negara.

PSN Trooperz juga mendapat kerjasama rakan strategik daripada Kementerian Pendidikan, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Pusat Sains dan Kreativiti Terengganu dan rakan-rakan swasta. - Bernama





## **Pusat Sains Negara Berwajah Baru Nov 2016**

PUTRAJAYA, 9 April (Bernama) -- [Pusat Sains Negara \(PSN\)](#) bakal berwajah baru menjelang November 2016 bagi memberi keselesaan sambil belajar berganda kepada pengunjung, kata [Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin.](#)

Katanya PSN yang ditutup sejak 20 Mac lalu kini sedang menjalani proses kerja menaik taraf bangunannya melibatkan kos RM20 juta.

Sejumlah 692,854 orang mengunjungi PSN dan menyertai program pembudayaan sains yang ditawarkan pada tahun lepas, katanya.

"Dengan pembukaan semula pusat itu nanti, kita mahu PSN terus menjadi ikon tarikan untuk pembudayaan sains, teknologi dan inovasi kepada pelbagai lapisan masyarakat di negara ini," katanya pada sidang media sebelum merasmikan program PSN Trooperz di sini hari ini.

Ewon dalam pada itu berkata program PSN Trooperz merupakan penjenamaan semula Unit Outreach PSN untuk meningkatkan kesedaran berkaitan kepentingan sains, teknologi dan inovasi dalam kalangan masyarakat Malaysia.

"PSN Trooperz merupakan lambang komitmen kementerian untuk membudayakan sains dan teknologi dengan menggunakan pendekatan mudah dan menyeronokkan," katanya.

Melalui PSN Trooperz, pelbagai program diatur sepanjang tahun ini merangkumi segenap lapisan masyarakat serta aktiviti yang bersifat pertandingan berteraskan sains, kejuruteraan, seni dan matematik (STEAM) yang akan menjelajah ke seluruh negara.

PSN Trooperz juga mendapat kerjasama rakan strategik daripada Kementerian Pendidikan, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Pusat Sains dan Kreativiti Terengganu dan rakan-rakan swasta.

-- BERNAMA

